



## **PEKELILING KETUA PENGARAH PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA BILANGAN 5 TAHUN 2014**

---

### **PENETAPAN KELEBARAN ZON PENAMPAAN MENGIKUT FUNGSI HUTAN SIMPANAN KEKAL (HSK)**

---

#### **TUJUAN**

1. Tujuan pekeliling ini adalah untuk menyeragamkan penetapan kelebaran zon penampan bagi memelihara kepentingan Hutan Simpanan Kekal (HSK) di Semenanjung Malaysia.

#### **LATAR BELAKANG**

2. Zon penampan mengikut definisi dalam Dasar Rancangan Fizikal Negara (RFN) Ke-2 adalah sebagai bentuk kawasan hijau yang memisahkan dua aktiviti guna tanah yang tidak melengkapi, contohnya kawasan perumahan dan perindustrian. Secara amnya zon ini menjadi satu kawasan larangan dan hendaklah bebas daripada sebarang gangguan dan aktiviti manusia yang boleh merosakkan kawasan tersebut.

3. Di Semenanjung Malaysia, zon penampang telah diperkenalkan sejak tahun 1980-an. Kini terdapat banyak agensi-agensi Kerajaan seperti Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia, Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia, Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Jabatan Pertanian Malaysia, Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara dan beberapa jabatan lain melaksanakan zon penampang. Namun didapati tiada penetapan khusus zon penampang bagi kawasan hutan. Amalan zon penampang yang diamalkan tersebut lebih tertumpu kepada di kawasan-kawasan pembangunan pertanian, perumahan mahupun infrastuktur.

4. Di samping itu, Jabatan Perhutanan juga telah melaksanakan penentuan zon penampang bermula pada tahun 1980-an melalui Kod Amalan Pengusahaan Hutan Darat Asli. Namun pada masa ini, amalan penentuan zon penampang dilaksanakan lebih memberi tumpuan kepada pemeliharaan sungai dan Hutan Simpanan Hutan Dara. Penetapan zon penampang HSK selain dari dua kategori di atas untuk setiap negeri didapati berbeza-beza dari segi kelebarannya.

5. Ketidakseragaman penetapan zon penampang ini memberi juga kesan khususnya terhadap faedah ekologi dan secara tidak langsung kepada faedah sosial dan ekonomi. Ini akan memberi kesan ke atas perlaksanaan Pengurusan Hutan Secara Berkekalan (SFM). Ketidakseragaman dalam penetapan zon penampang juga seringkali menimbulkan kekeliruan dan menyukarkan perlaksanaannya di lapangan oleh Jabatan Perhutanan Negeri di Semenanjung Malaysia.

## **PENETAPAN KELEBARAN ZON PENAMPAN MENGIKUT FUNGSI HUTAN SIMPANAN KEKAL (HSK)**

6. Lanjutan daripada itu, Persidangan Pengarah-pengarah Perhutanan Negeri Ke-33 yang diadakan pada 11 hingga 14 Disember 2013 telah bersetuju untuk menerima dan melaksanakan Penetapan Kelebaran Zon Penampan Mengikut Fungsi HSK sebagaimana di **Lampiran I**.

### **TARIKH KUASA KUASA**

Pekeliling ini berkuatkuasa serta merta dan terpakai oleh semua negeri di Semenanjung Malaysia

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

**“HUTAN UNTUK KESEJAHTERAAN MASYARAKAT”**

**“1 MALAYSIA, RAKYAT DIDAHULUKAN, PENCAPAIAN DIUTAMAKAN”**

Saya yang menurut perintah,

**(DATO' PROF DR ABD. RAHMAN BIN HJ. ABD. RAHIM)**

Ketua Pengarah Perhutanan

Semenanjung Malaysia.

Tarikh : 13 Ogos 2014

## LAMPIRAN I

### Penetapan Kelebaran Zon Penamparan Mengikut Fungsi HSK

Bil.	Fungsi HSK	Kawasan Bersebelahan HSK	Kelebaran Minimum (meter)	Kedudukan Zon Penamparan
1	Kawasan perlindungan	Pengusahaan	20	Dalam/Luar HSK
		Perumahan	20	Dalam/Luar HSK
		Kuari / Perlombongan	500	Dalam/Luar HSK
		Perindustrian	20	Dalam/Luar HSK
		Infrastruktur	20	Dalam/Luar HSK
		Pertanian	20	Dalam/Luar HSK
		Sempadan Negeri / Negara	20	Dalam/Luar HSK
		Perumahan	20	Dalam/Luar HSK
		Infrastruktur	20	Dalam/Luar HSK
		Empangan / Tadahan Air	100	Dalam/Luar HSK
2	Kawasan pengeluaran	Pertanian	20	Dalam/Luar HSK
		Taman Negeri / Taman Negara/ Rizab hidupan liar	50	Dalam/Luar HSK
		Sempadan Negeri	20	Dalam/Luar HSK
		Sempadan Negara	40	Dalam/Luar HSK

Nota :

- a) Kelebaran minimum zon penamparan bagi lain-lain kawasan yang tidak dinyatakan di atas adalah 20 meter
- b) Sekiranya mana-mana kelebaran minimum yang ditetapkan di dalam jadual di atas adalah kurang atau lebih dari tetapan kelebaran yang pernah diputuskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN), Jabatan Perhutanan Negeri berkenaan perlulah mematuhi keputusan MMKN tersebut.